JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SABAH
Aras Bawah, 6 & 7, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat-Likas
Beg Berkunci 2053
88594 KOTA KINABALU
SABAH

Tel: 088-324800
Faks: 088-210828
Laman web: https://sabah.anm.gov.my

Ruj Kami : ANM(A)SBH.68 JLD 9(90)
Tarikh : 16 November 2026

SURAT PERINGATAN

Seperti di Lampiran

Tuan/Puan,

KEGAGALAN MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT/DANA BAGI BULAN OKTOBER 2026

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak tuan/puan belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot/Dana bagi bulan **Oktober 2026** kepada pihak kami sepertimana yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023 (menggantikan SPANM Bil 7 Tahun 2018) yang berkuatkuasa pada 30 Oktober 2023.

3. Sehubungan dengan itu, mohon tindakan daripada pihak tuan/puan untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot/Dana kepada Unit Akaun dengan kadar segera.

4. Adalah diharapkan agar pihak tuan/puan sentiasa memastikan Sijil Pengesahan Baki Vot/Dana dikemukakan kepada pihak kami dalam tempoh **14 haribulan bulan berikutnya** mengikut ketetapan seperti di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023 dan memastikan perkara ini tidak berulang.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIK ARIFAH BINTI ABDUL GHAFAR C.A.(M))
Ketua Penolong Pengarah (Operasi)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sabah.

Jung/akaun